

**SOALAN NO. : 568**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]**

**SOALAN :**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan berapa bajet Jabatan Pengairan dan Saliran Parlimen Batu Pahat dan jadual penyelenggaran parit dan sungai dibawah seliaan mereka bagi mengurangkan kesan kes banjir.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada Tahun 2014, peruntukan kerajaan negeri yang telah dibelanjakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan parit secara rutin yang dijalankan sebanyak empat kali setahun oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatam Kampong (JKKK) ialah RM648,005 dan kerja penggalian semula parit dan sungai adalah sebanyak RM1,121,350. Bagi peruntukan di bawah Kerja-Kerja Kecil JPS Pelbagai Negeri dan Persekutuan adalah sebanyak RM1,057,849 telah dibelanjakan bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan.

Bagi Tahun 2015, sejumlah RM748,000 diperuntukkan bagi kerja yang akan dijalankan oleh JKKK untuk penyelenggaraan parit dan sejumlah RM75,000 bagi penggalian parit dan sungai. Manakala bagi peruntukan Kerja-Kerja Kecil JPS Pelbagai Negeri jumlah peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM930,000. Skop kerja adalah penggalian parit dan sungai, membaik pulih benteng dan menggantikan pembentung serta lintasan/jambatan kayu yang telah menyekat laluan air atau rosak dengan lintasan/jambatan konkrit.

Sekian terima kasih.